

ASEAN DIMINTA MENGAMBIL INISIATIF MEMUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN ISRAEL

Palestin: Wakil J-kuasa Bertindak temui Dr. M

KUALA LUMPUR, Sabtu.

TUJUH wakil dari Jawatankuasa Tindakan Bersama mengenai rakyat Palestin akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatfir Mohamad di bangunan Parlimen Selasa ini.

Penolong Setiausaha, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang juga Setiausaha Jawatankuasa tersebut, Encik Fuad Hassan berkata, pertemuan tersebut lanjutan dari tindakan jawatankuasa ini terhadap Amerika dan Israel mengenai isu pembunuhan beramal-ramai rakyat Palestin di Lubnan, baru-baru ini.

Katanya, antara perkara yang akan disentuh ialah mengenai sikap dan hubungan Malaysia dengan negara besar seperti Amerika dalam pelbagai bidang dan meminta negara-negara anggota Asean mengambil inisiatif memutuskan hubungan dengan Israel.

Beliau yang juga antara perwakilan tersebut berharap semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan berusaha supaya pusat perisik Israel bagi rantau Asia di Singapura ditutup kerana terdapat agen-agen Israel yang mungkin membahayakan Malaysia dan negara lain.

Selanjutnya beliau berkata, pihaknya akan meminta supaya Kerajaan meluaskan dasar menghadkan pembelian barang-barang buatan Amerika.

Beliau memberitahu, jawatankuasa itu dalam mesyuaratnya Rabu lalu mendapati bahawa kempen memboikot barang-barang buatan Amerika itu memberi kesan, walaupun minimum, tetapi dapat menunjukkan sokongan kuat terhadap rakyat Palestin.

Kata beliau, ini disebabkan terdapat terlampau banyak barang buatan Amerika di dalam pasaran sekarang.

Katanya, pihaknya akan melancarkan program penerangan dan kesedaran pada peringkat negeri dan daerah.

No. Siri 2998
No. Penerimaan 743/85